



# SG Digital

Kit Permulaan bagi aplikasi Singpass






singpass

## TAHUKAH ANDA?

Dengan aplikasi Singpass, anda boleh mengesahkan identiti dengan menggunakan cap jari, rupa muka atau kod laluan untuk akses perkhidmatan digital atau dapatkan maklumat tentang diri anda.

### LANGKAH 1 Muat turun aplikasi Singpass ke telefon bijak anda


Pergi ke **Apple App Store** , **Google Play Store**  atau **HUAWEI AppGallery**  muat turun aplikasi Singpass. Pastikan pemaju aplikasi adalah Government Technology Agency (Agensi Teknologi Pemerintah).

1. Bagi pengguna iOS, ketik “Get” untuk muat turun aplikasi.
2. Bagi pengguna Android atau Huawei, ketik “Install” untuk muat turun aplikasi.


### LANGKAH 2 Persiapkan (hanya perlu dilakukan sekali sahaja)

Untuk mempersiapkan aplikasi Singpass, anda perlukan:


1. Sambungan Internet
2. ID dan kata laluan Singpass
3. Jika perlu, kod laluan 2FA (SMS OTP)



3. Periksa butiran sijil pengenalan diri anda.




4. Sediakan kod laluan serta / atau aktifkan pengesahan cap jari / rupa muka.



5. Baca arahan cara mengakses perkhidmatan digital.


### LANGKAH 3 Gunakan aplikasi Singpass untuk akses perkhidmatan digital tanpa kata laluan




6. Ketik ‘Scan’



7. Imbas kod QR Singpass di skrin log masuk.



8. Sahkan identiti dengan mengguna cap jari, rupa muka atau kod laluan.



9. Anda telah berjaya untuk log masuk! Jangan lupa log keluar setelah selesai transaksi anda.

### Petua keselamatan siber



- **Jangan** dedahkan maklumat log masuk anda kepada orang lain kerana ini boleh menyebabkan akaun dan maklumat peribadi anda diakses tanpa kebenaran.
- **Hanya** daftar cap jari atau data rupa muka anda di telefon bijak peribadi.
- **Sentiasa** log keluar dari perkhidmatan digital setelah selesai melakukan transaksi.